

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 AUGUST 2016

Elak negara dijajah secara moden - Najib

UM
- 14/8/2016

Oleh **SUFFIAN ABU BAKAR**
pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 13 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak meminta semua ahli UMNO untuk terus setia kepada parti dan pada masa yang sama menjaga kedaulatan negara daripada 'dijajah secara moden' kerana harga sebuah kemerdekaan itu adalah terlalu mahal.

Menurut Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, jika kita membiarkan negara dijajah dalam bentuk moden, amat sukar untuk mendapat semula kemerdekaan tersebut kerana kita akan hilang segala-galanya iaitu kuasa, martabat dan maruah.

"Bila kota Melaka roboh 700 tahun, UMNO baru 70 tahun, negara kita baru 59 tahun merdeka dan banyak lagi tugas. Jadi jangan biar sebarang bentuk penjajahan moden berlaku menindas kita, ini wajib bagi kita sebagai UMNO dan

parti-parti Barisan Nasional (BN) untuk menjaganya," kata beliau ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Tangga Batu di sebuah hotel di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu yang juga Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron; Timbalan Ketua UMNO bahagian, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua UMNO Bahagian Bukit Katil, Tan Sri Mohd. Ali Rustam dan semua pimpinan UMNO bahagian seluruh negeri.

Mengulas lanjut mengenai kesetiaan, Perdana Menteri berkata, selama 40 tahun beliau menjadi pengikut kepada presiden parti dan walaupun pelbagai kata dilemparkan oleh orang lain terhadap ketuanya itu, beliau tetap setia kepada presiden kerana baginya kesetiaan itu adalah tonggak dalam sesebuah perjuangan selain menjadikan parti selamat.

"Suatu hari nanti, saya juga akan serahkan parti kepada peng-

ganti saya dan apa yang saya akan buat, saya tidak akan khianati parti kerana itu pantang bagi saya sebab menderhaka terhadap perjuangan adalah pantang, pantang dan pantang dari untuk itu saya akan lawan habis-habisan," tegasnya.

Dalam pada itu, katanya, BN bertekad untuk merampas kembali kerusi Parlimen Bukit Katil yang jatuh kepada pembangkang, dalam pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berjanji akan membantu BN Melaka melaksanakan usaha-usaha bagi memperkuatkan jentera parti dan yakin mampu mencapai kejayaan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Saya hendak tambah satu lagi Parlimen, Kota Melaka itu kira sebagai bonus, tapi Bukit Katil wajib kita menang balik dan DUN (Dewan Undangan Negeri) kita hendak (menang) 27 daripada 31 kerusi," katanya.